

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 46 RABU 14HB. NOBEMBER, 1973. 1393 رابو 18 شوال PERCHUMA

\$400,000.00 di-untokan bagi tambahan rumah sakit B.S.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz pada hari Isnin lepas telah membuat lawatan ke-Rumah Sakit Besar di-Bandar Seri Begawan untuk meninjau perkembangan2 di-jabatan itu.

Dalam lawatan itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah di-iringkan oleh Pemangku Pengerah Perubatan dan Kesihatan, Dr. Awang Haji Johar bin Haji Nordin; Pegawai Perubatan Daerah, Dr. I.G. Singh dan Setia Usaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah melawat kebahagiaan2 yang akan di-perbesarkan, iaitu wad bersalin dan tempat menunggu giliran pemereksaan doktor di-bahagian rawatan pesakit2 luar.

Perbelanjaan bagi tambahan untuk wad bersalin telah pun di-peruntokan oleh kerajaan sa-banyak \$400,000.00, dan pembinaan-nya di-jangka siap kira2 enam bulan. Tender bagi pembinaan tambahan itu akan di-keluarkan dalam bulan Januari akan datang.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan berkata, Kerajaan akan sentiasa meneliti kedudukan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di-negeri ni, supaya perkhidmatan itu sentiasa berjalan dengan baik bagi kesenangan orang ramai.

Ketika melawat ka-wad bersalin, beliau telah melahirkan kesedehan-nya melihat kesempatan yang terdapat di-situ. Bagaimana pun Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu memuji kakitangan2 di-bahagian itu yang telah memberikan perkhidmatan yang chermelang di-samping kawalan2 kebersehan yang mengagumkan.

Beliau mengharapkan, kesempatan itu akan dapat di-atasi nanti, apabila siap-nya beberapa tambahan dalam wad tersebut.

Di-wad rawatan buah pinggang, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah di-
(Lihat muka 5)



Brunei tidak membenarkan pengeksportan semula minuman2 keras

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sa-jauh ini tidak membenarkan pengeksportan semula minuman2 keras dari Brunei apalagi untuk menjadikan Brunei sebagai pangkalan untuk mengedarkan minuman2 keras itu.

Satu berita telah di-terbitkan dalam sa-buah akhbar tempatan minggu lepas yang menyatakan

Brunei akan di-jadikan sa-buah pangkalan untuk pengedaran whisky.

Mengenai dengan berita itu, pehak Kastam ketika di-hubungi menyatakan bahawa perkara itu sama sekali tidak di-ketahui-nya.

Beliau menyatakan, mengikut peraturan yang di-kuatkuasakan sekarang, pengeksportan semula minuman keras hanya di-benarkan dengan syarat:

*Minuman keras yang di-mileki oleh penumpang2 yang muna-sabah banyak-nya bagi kegunaan mereka sendiri ia-itu penumpang2 yang berlepas dari Brunei dengan jalan kapal terbang atau kapal laut.

*Minuman2 keras yang di-beli oleh kapal2 termasuk kapal terbang yang singgah di-Brunei untuk bekalan yang akan digunakan dalam kapal2 itu sahaja.

Segala permohonan untuk mengeksport semula minuman keras yang tidak memenuhi syarat2 itu tidak-lah di-benarkan.

Lagi \$42,000.00 untuk stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri pada hari Isnin lepas telah menerima sa-keping chek bernilai \$40,900.00 dari Persatuan Pemorong2 Brunei.

Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Persa-
(Lihat muka 8)

Lawatan Pengarah B.E.S.O. ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perkhidmatan2 Eksekutif British Seberang Laut (BESO), Awang E.J. Westnedge dan Awang Leonard Rayner, wakil pertubuhan itu bagi wilayah Tenggara Asia, yang sekarang ini sedang berada di-Brunei, telah mengadakan kunjungan muhibbah ka-Jabatan Setia Usaha Kerajaan pagi tadi.

Dalam kunjongan itu, mereka telah menemui Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dan mereka kemudian-nya telah mengadakan perbincangan2 dengan Pegawai2 Unit Perancang Ekonomi.

Dalam perbincangan yang berlangsung di-Bilek Gerakan Jabat-
(Lihat muka 8)

Y.B. Pmk. S.U.K. (No. 2 dari kanan) ketika di-berikan penerangan oleh Dr. Haji Johar mengenai plan bangunan tambahan wad bersalin. Kelihatan juga dalam gambar atas ia-lah Awg. Ibrahim bin Haji Mohamad, akitek J.K.R. (kiri sekali) dan S/U Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Chuchu.

Pancharagam AMDB berlepas ka-H.K.

BERAKAS. — Sa-ramai 67 orang ahli2 pasukan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Hong Kong dengan kapal terbang Tentera Udara Diraja British pada hari Isnin lepas untuk mengambil bahagian dalam satu pertunjukan tato di-tanah jajahan itu pada akhir bulan ini.

Sementara itu beberapa orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei telah pun berada di-Hong Kong untuk menguruskan kelengkapan mengenai pertunjukan itu dan lain2 latehan.

Beberapa orang lagi anggota Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Hong Kong semalam untuk menjalani beberapa latihan ketenteraan di-Hong Kong.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awg. Abdullah bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium telah menerima sumbangan sebanyak \$2,000.00 dari Badan Kebajikan dan Perayaan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Derma itu di-sampaikan oleh Pengetua Sekolah tersebut Awang Adam bin Haji Tarif yang juga selaku pengerusi badan itu (gambar atas).

Wang itu di-perolehi sa-ma-sa badan kebajikan sekolah itu menganjorkan lawatan marhaban ke-71 buah rumah, termasuk rumah2 pembesar2 negara dan orang2 kenamaan di-Daerah Brunei/Muara dan Tutong sa-lama tiga hari, semasa hari raya baru2 ini.

17 peratus dari kutipan sebanyak \$2,451.20 telah dipotong untuk chenderamata kenangan kepada semua peserta dan lain2 urusan.

Penyampaian derma yang telah di-adakan di-Pejabat Daerah Tutong pada minggu lalu itu, di-saksikan oleh Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu, Ag. Mohamed Tahab bin Abdul Rahman, Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Awg. Mohamed Noor bin Chuchu, ahli2 jawatankuasa badan itu Awang Abdul Rahman bin Mahmud, Awang Othman bin Haji Chuchu dan Awang Mo-hiddin bin Ghani.

Awang Abdullah telah mengucapkan terima kasih atas inisiatif jawatankuasa badan itu yang telah berjaya mengutip wang untuk derma tabong pembinaan stadium.

Beliau mengharapkan, semangant mereka yang ta'at dan menjunjung titah itu akan menjadi satu contoh yang baik kepada semua penduduk2 di-Daerah Tutong.

PGGMB akan menerbitkan "Album Kenangan"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei berhadang akan menerbitkan album kenangan sempena dua puluh lima tahun tertubuh-nya Persekutuan itu.

Sa-buah jawatankuasa telah pun di-bentuk dan sekarang sedang mengeluarkan surat keliling kepada badan2 persa-

tuan itu.

Badan2 itu termasuk-lah sukan dan olahraga, Sharikat Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Sharikat Kerjasama dan bantu-membantu, badan kesenian dan kebudayaan dan badan kebajikan yang semuanya di-kehendaki membuat laporan dan penyata masing2 untuk di-jadikan bahan keluaran album tersebut.

Album kenangan itu mengandongi antara 250 dan 350 muka dengan melaporkan kegiatan2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dari sejak dua puluh lima tahun yang lalu.

PGGMB mula di-tubuhkan dalam tahun 1937. Sejak 1947 ia-nya telah melaksanakan beberapa kegiatan dan rancangan2 untuk kebajikan semua ahli2-nya.

Melalui Badan Kebajikan Persekutuan itu, ia-nya juga telah melaksanakan beberapa pertolongan sukarela kepada orang ramai antara-nya termasuk-lah memberi bantuan kepada mangsa2 kebakaran dan bantuan untuk derma tabong pembinaan Stadium yang sedang giat di-ranchang sekarang.

Tarikh tutup hingga 21hb. Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kesusasteraan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah mengingatkan kepada mereka yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan2 menulis skrip drama, cerita pendek dan sajak supaya menghantar-nya tidak lewat dari 21hb. Nobember.

Sa-orang juruchakap Badan Kesusasteraan itu berkata per-

aduan2 itu ada-lah terbuka kepada penuntut2 dari Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Skerip2 itu hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Badan tersebut, Dayang Norfah binte Budin, di-alamat Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, batu 1½ Jalan Tutong.

130 MEMOHON UNTUK MASOK KA-SEKOLAH KEJURUTERAAN

KUALA BELAIT. — Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-Kuala Belait satak ini telah menerima lebih dari 130 permohonan untuk kursus baru "City and Guilds" yang akan bermula dalam bulan Januari.

Sekolah Pertukangan Kejuruteraan di-Kuala Belait itu telah di-namakan sa-mula sa-bagai Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Jefri Bolkiah, sementara kakitangan dan penuntut2 sekolah itu sedang menantikan hari perasmian pembukaan-nya tidak berapa lama lagi.

Pemohon2 mesti-lah raayat Brunei dan telah mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran sama ada aliran Melayu atau Inggeris.

Keutamaan akan di-berikan kepada chalu2 yang mempunyai keputusan yang lebih baik, terutama-nya jika mereka lulus dalam jurusan ilmu hisab, sains dan Inggeris.

Chalu2 akan menjalani ujian sa-belum di-pilih untuk kursus tersebut.

Kursus tersebut berjalan sa-penoh masa sa-lama tiga tahun dan semua penuntut2 di-jangka tinggal di-asrama sekolah itu.

S.M. Ahmad Tajuddin akan punyai makmal sains

KUALA BELAIT. — Pembinaan makmal sains bagi Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria, dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Kuala Belait hampir siap.

Sa-tiap sa-buah blok makmal itu mempunyai tiga buah bilek darjah.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata pembinaan tersebut telah di-mulakan dalam bulan Jun tahun ini, dengan belanja kira2 \$123,000.00 dan makmal2 tersebut boleh digunakan awal tahun depan.

379 orang chalu masok pereksa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 379 orang chalu termasuk 197 orang chalu persendirian di-seluruh negeri sekarang sedang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan.

Peperiksaan itu di-kelalakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan dan akan berakhir pada 30hb. Nobember ini.

Sa-ramai 97 orang chalu dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara dan Sekolah Menengah Arab mengambil peperiksaan itu dalam aliran Melayu.

KITA raayat dan penduduk Negeri Brunei ini amat-lah beruntung kerana Ugama Islam telah di-jadikan sa-bagai ugama rasmi dan ideologi negara serta dalam pelaksanaan menjadikannya sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna bagi kita.

Sa-bagai penganut dan pendukung Islam sejak berkurun2 yang telah lalu, kita umat Islam tidak perlu ragu dan takut menghadapi segala macham halangan dan gangguan dari gulongan yang tidak senang melihat Ugama Islam maju dan berpengaruh. Perchaya-lah dengan sepenoh-nya keyakinan bahawa Allah tetap berada di-pehak kita sa-lama kita berpegang tegoh serta membela ugama-nya. Firman Allah Subhanahu-Wataala dalam Surat Muhammad ayat tujuh yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, jika kamu membela ugama Allah neschaya Allah membela kamu dan di-tetapkan-nya pendirian kamu".

Ayat Quran ini mengandung janji yang pasti dari Allah Subhanahu Wataala kepada kaum muslimin, janji yang mesti berlaku dan di-laksanakannya asalkan kita melaksanakan syarat yang terkandung di-dalam-nya ia-itu membela ugama-nya.

Janji Allah sa-bagai tersebut tadi telah berlaku atas diri Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat2 Baginda. Waktu Nabi hendak di-tangkap, di-buang atau di-bunuh mati, tiba2 datang pertolongan Allah melepaskannya dengan chara yang tidak diketahui oleh manusia, sa-bagai mana yang di-terangkan dalam firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dan ingat-lah (wahai Muhammad) ketika orang2 kafir itu mengator tipu daya terhadap engkau, untuk menawan atau membunuh atau mengeluarkan engkau dari kota Mekah, mereka mengator tipu daya, tetapi Allah balas pada mengator tipu daya dan Allah sepandai2 membalas tipu daya".

Kemudian ingat pula bagaimana keadaan Nabi bersama Saidina Abu Bakar sahabat

Baginda yang setia ketika kedua2-nya bersembunyi di-gua shor sa-telah lepas dari kepungan musuh. Ketika Saidina Abu Bakar gelisah kerana khuatir musuh dapat menjumpai mereka pada hal musuh ketika itu telah berada di-atas gua, maka tiba2 Allah palingkan penglihatan orang2 kafir itu daripada menjengok ka-dalam gua. Kekhuatiran Abu Bakar sesunggoh-nya bukan kerana ia takut benchana menimpa diri-nya, tetapi ada-lah kerana ia khuatir menimpa atas diri Nabi, sebak-nya Nabi pun demikian juga terhadap diri Abu Bakar. Dalam keadaan yang membahayakan itu tiba2 keluar-lah ucapan Nabi s.a.w. yang bermaksud:

"Jangan-lah engkau bersusah hati sesunggoh-nya Allah beserta kita".

Chuba-lah kita selalu mengingati ucapan Baginda itu supaya hati menjadi tenteram dan iman bertumbuh tegoh dalam usaha membela ugama Allah. Kalau kita merasa tidak senang kerana menghadapi berbagai macham halangan dalam membela ugama Allah, bisikkan-lah ka-telinga kita ucapan Nabi itu: **"Jangan susah hati, sesunggoh-nya Allah beserta kita"**. Kemudian bisikkan lagi kepada saudara2 lain yang dalam ge-

Usaha memperluas kesedaran berugama bukan hanya terletak kpd satu pehak sahaja



KHUTBAH JUMA'AT

lisha sa-hingga seluruhan-nya tenteram dan tegoh menyokong dan membela ugama Allah.

Oleh kerana usaha penyibaran Ugama Islam dan memperluaskan kesedaran berugama itu bukan hanya terletak kepada usaha2 satu2 pehak tertentu sahaja, maka mustahak-lah sa-tiap anggota masyarakat khas-nya masyarakat

Islam berdiri tegoh bahu membahu dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada melaksanakan kehendak2 ajaran2 Ugama Islam supaya hasrat dan chita2 yang mulia dan tinggi untuk menjadikan Islam itu sa-bagai satu chara hidup kita akan terlaksana dengan sempurna-nya.

Peraduan bahas di-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Sa-banyak 15 buah sekolah rendah Melayu di-Daerah Temburong akan mengambil bahagian dalam peraduan bahas 19hb. Nohember ini.

Sekolah Melayu Amo akan menemui Sekolah Melayu Salangan, Sekolah Melayu Beligos akan menemui Biang Tengah bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar.

Sekolah Melayu Belais akan menemui Sekolah Melayu Puni, Sekolah Melayu Se-

mabat akan menemui Sekolah Melayu Kenua bertempat di-Sekolah Melayu Bokok.

Sekolah Melayu Piasau2 akan menemui Sekolah Melayu Senukoh dan Sekolah Melayu Negalang akan menemui Sekolah Melayu Labu Estate bertempat di-Sekolah Melayu Labu Estate.

Sa-banyak tiga buah sekolah lagi di-daerah itu menunggu untuk menemui sekolah2 yang menang dalam peraduan peringkat awal. Sekolah2 itu ia-lah Sekolah Melayu Sultan Hassan, Sekolah Melayu Bokok dan Sekolah Melayu Batu Apoi.

Sekolah2 yang menjadi johan bahagian lelaki dan johan bahagian perempuan di-Daerah Temburong akan menemui wakil Sekolah Melayu Bahagian Brunei Tiga ia-itu Sekolah Melayu Junjangan bahagian lelaki dan perempuan.

Perlawanan itu akan di-adakan pada 22hb. Nohember di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar, Temburong.

Gotong royong berseh kubor

KAMPONG KASAT. — Sa-ramai 30 orang penduduk Kampong Kasat di-Daerah Brunei Muara telah bergotong royong membersekan tanah perkuboran Kelamasi Kampong Kasat baru2 ini.

Tanah perkuboran itu sa-luas 1½ ekar telah bertahun2 di-tumboh oleh semak2 yang tidak di-bersekan oleh warith2-nya.

Kerja bergotong royong itu yang di-ke-tuai oleh Awang Abu Bakar bin Mansor telah juga membina sa-buah jambatan kecil menyeberangi sa-buah sungai antara jalan dengan tanah perkuboran itu.

Sa-kumpulan lagi sa-ramai 25 orang terdiri dari penduduk2 Kampong Kasat dan Kampong Putat yang di-ke-tuai oleh Awang Mohammad Salleh bin Abdul Rahman telah membersekan sa-buah lagi kawasan tanah perkuboran lain di-Baung Putat, Brunei.

1,693 masok pereksa ka-Sekolah Menengah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,693 orang murid2 dari Sekolah2 Rendah Melayu di-seluruh negeri akan mengambil peperiksaan masoski ka-Sekolah2 Menengah Melayu pada 17hb. Nohember.

Peperiksaan itu akan di-adakan di-13 buah pusat2 peperiksaan, — tujuh di-Daerah Brunei Muara, tiga di-Tutong, dua di-Belait dan sa-buah di-Daerah Temburong.

Chalun2 yang paling ramai masoski peperiksaan itu ia-lah dari Bahagian Brunei Satu dengan 430 orang murid.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14hb. Nohember, hingga ka-hari Selasa 20hb. Nohember, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
14hb. Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
15hb. Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	
16hb. Nob.	12-12	3-29	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
17hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
18hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
19hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	
20hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(14hb. Nobember, 1973)

USAHA YNNG JUJUR

KEMUNGKINAN Brunei mengadakan syndicate peperiksaan-nya sendiri bagi peperiksaan SRP atau LCE untuk tahun 1974 telah di-jelaskan oleh Pmk. Pengarah Pelajaran baru2 ini.

Untuk melengkapkan diri yang lebih luas ka-araf itu, beberapa orang pegawai berke-naan akan menjalani latihan ka-seberang laut dengan harapan supaya mutu syndicate itu sama taraf-nya dengan lain2 negeri.

Ini bererti Kerajaan memandang berat terhadap masalah pelajaran dan pendidikan di-Brunei dengan mengutamakan kepentingan dan kebolehan-nya sendiri tanpa selama-nya meng-harapkan bantuan dan bergan-tong lebih lama kepada orang lain apatah lagi perkara itu boleh di-laksanakan oleh ra-ayat bumi putera menurut ke-mampuan-nya yang ada bagi mencherminakan masa depan ra-ayat dan negara Brunei me-langkah ka-araf kemajuan yang lebih pesat dengan pem-bangunan-nya.

Brunei sekarang mempunyai satu dasar pelajaran tertentu antara-nya mengandungi aspek identiti-nya sendiri sa-laras de-ngan tradisi Islam dan kepen-tingan bahasa Melayu yang boleh mewujudkan satu bentuk bangsa Brunei yang ber-satu-padu, ta'at setia kepada Raja dan Pemerintah.

Ka-araf chita2 ini-lah, mulai hari ini kesedaran dan tang-gung-jawab raayat terutama se-kali gulungan ibu-bapa dan pendidik amat2 di-perlukan su-paya masalah yang sama2 di-hadapi akan menchapai keja-yaan sepenoh-nya.

Brunei bukan hanya mampu sa-lakat mengadakan syndicate peperiksaan SRP atau LCE te-tapi juga boleh mengadakan syndicate peperiksaan bagi Cambridge atau mungkin yang lebih tinggi dari itu dalam jangka masa yang di-tentukan.

Sebenar-nya pembentokan Surohanjaya Pelajara beberapa tahun lalu telah berusaha meng-kaji, menyiasat dan menyesuaikan apa-kah bentuk pelajaran yang mesti di-timbulkan me-nurut iklim negeri ini dan ak-hir-nya Surohanjaya itu telah berhasil menchari satu tapak yang sesuai untuk menempat-kan asas pelajaran baru yang menjadi satu pendirian tegoh sekarang.

Untuk menjalankan usaha2 itu lebih sempurna, lebih ke-mas dan tersusun menurut da-sar-nya, maka Majlis Pelajaran pun di-bentok, kemunculan Majlis Pelajaran di-tengah2 suasana yang serba pantas dan segar memulakan satu titik ber-tindak sa-chara langsung de-ngan membuat arahan2 kepada Jabatan Pelajaran.

Jabatan Pelajaran dengan tanggungjawab-nya yang ada segera pula membentok satu jawatankuasa sukatan pelajaran bagi sekolah2 menengah rendah dan telah pun mengadakan si-dang pertama-nya minggu lalu yang bertujuan khusus untuk membentok sukatan pelajaran yang di-perlukan.

KENAPA BERAS MENJADI MASAALAH

(oleh: Haji Ahmad Arshad)

DALAM minggu lalu BERAS telah menjadi satu issue yang menim-bulkan berbagai perasaan orang ra-mai. Ada yang takut beras tidak ada di-Brunei. "Kalau beras sudah tidak ada, bahan makanan apa yang harus menggantikan-nya?". Mungkin - k a h orang Brunei balek sa-mula ka-Zaman Jepun?. Apa-kah orang Brunei seka-karang rata2 pandai2 makan sakul dan ambuyat. Sa-bilangan besar jenerasi yang ada sekarang hanya kenal nama sakul dan ambuyat, tetapi amat garing memakan-nya".

Di-samping kelohan yang demi-kian ini, terdapat j u g a hambusan rasa geram terha-dap sikap sa-tengah2 pekedai. Sa-orang pembeli menyatakan yang ia mendapati sa-buah ke-dai yang berani mengatakan tidak mempunyai beras walau sa-gantang pun, tetapi sa-te-lah di-tinjau ka-belakang, ma-ka terlihat oleh-nya beberapa guni beras sedang terbaring. Dia amat geram dan perteling-kahan kata2 pun berlaku an-tara ia dan pekedai. Hal yang sa-umpama ini banyak berla-ku juga kepada orang lain — antara pekedai dan pembeli. Keadaan yang tidak sa-im-bang ini di-khuatirkan akan melorot satu suasana yang sama sekali tidak di-kehen-daki oleh Kerajaan. Namun demikian, kita di-negeri ini ti-dak mudah menimbulkan ke-da-an yang kurang menyen-nangan itu. Ini ada-lah kera-na kukoh-nya orang ramai menjaga imej negara, teruta-ma-nya pada mendukung titah seruan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menginginkan keadaan aman dan tenteram itu tetap terpelihara sa-panjang masa.

Orang ramai mengetahui yang negeri ini tidak akan ke-habisan beras berikutan de-ngan usaha terus menerus un-tok mendapatkan bekalan be-ras oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Apa tah lagi orang ramai juga me-ngetahui bahawa beras yang di-pesan oleh Kerajaan dari luar negeri telah melu-vung da-tang-nya. Hal ini telah me-nambahkan keyakinan raayat yang negeri mereka ini, sung-goh pun kechil — tidak akan kekeringan beras dan raavat-nya maseh boleh memakan

nasi hingga sa-kenyang2 perut. Soal harga sudah pun di-fa-hami benar oleh mereka berik-utan dengan penerangan2 dari Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar sen-diri dan di-jelaskan lagi kedu-dokan itu oleh Yang Berhor-mat Pemangku Setia Usaha Kerajaan melalui bahasa yang mudah di-faham. Pendek-nya tidak ada keraguan lagi soal harga ini. Apa-tah lagi sa-te-lah di-tinjau kedudukan harga di-lain2 negeri yang menun-jukkan harga di-Brunei ada-lah lebih murah lagi.

Akan tetapi keadaan yang kelam-kabut dalam minggu lalu yang membimbangkan sa-bilangan besar raayat dan pen-duduk negeri ini telah sampai kepada pengetahuan Keraja-an. Berikutan dengan ini su-dah tentu di-jalankan penyi-a-satan2 dari sumber2 yang ter-tentu dan akhir-nya sampai-lah satu alasan yang kurang meyakinkan.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan meny-a-takan pada hari Isnin yang baru lepas ini bahawa alasan yang di-jadikan puncha yang menjadikan hampir2 lumpoh-nya pembahagian beras kapa-da orang ramai itu ia-lah dari segi kurang-nya jentera peng-angkutan.

Menurut sistem yang ada se-karang, pengangkutan ba-rang2 yang di-masokkan Ke-rajaan ada-lah di-tugaskan kepada Sharikat Pemunggaan Melayu yang mengangkut ba-rang2 itu dari Pelabohan Mu-a-ra ka-gudang2 Kerajaan di-Jalan Gadong. Manakala pe-ngambilan barang2 itu saperti beras dan gula dari gudang2

Sa-bahagian daripada beras yang terdapat di-gudang Kerajaan di-Jalan Gadong.

tersebut ada-lah bergantung kepada kemahuan penempah2 yang terdiri dari pekedai2.

Soal pengangkutan dari gu-dang2 itu ada-lah terpulang kepada kebijaksanaan peke-dai2 sa-telah di-tentukan pen-geluaran-nya oleh pehak Setor dan Perbekalan Negara. Sa-bahagian dari kedai2 ada-lah menggunakan tenaga2 dan kenderaan2 yang di-pu-nyai-nya sendiri, manakala sa-bahagian-nya pula menggan-tungkan harapan kepada satu sharikat pengangkutan yang pekerja2-nya terdiri dari pe-kerja2 yang biasa-nya di-se-but sa-bagai "kolikang".

Kalangan2 yang tertentu menyatakan bahawa dalam minggu lalu pekedai2 lebih menarek perhatian kepada be-kalan gula dan menepatkan soal pembekalan beras menja-di perkara yang kedua walau pun tagehan2 dari orang ra-mai terhadap bekalan itu se-makin memunchak. Sikap achoh tak achoh terhadap per-kara yang penting sa-umpama ini ada-lah sangat2 di-kesal-kan.

Menurut kalangan itu lagi, satu sebab yang lain kenapa pengambilan beras dari gu-dang2 Kerajaan itu tidak men-dapat tempat yang utama ia-lah tenaga2 pengangkutan yang di-harap2kan oleh peke-dai2 itu lebih menumpukan minat mereka kepada kago2 yang datang sileh berganti, ke-rana pengangkutan-nya ada-lah memberikan pendapatan yang lebih lumayan.

(Lihat muka 5)



Bekalan beras menchukopi: Raayat tidak perlu bimbang

(Dari muka 4)

Telah sampai juga kepada pengetahuan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan bahawa tenaga pengangkutan yang di-monopoli oleh orang2 asing itu telah di-gunakan bagi mengangkut gula untok di-bahagi2kan ka-kedai2.

Apa-kah soal pengangkutan ini benar2 menjadi satu puncha yang tidak boleh di-atasi langsung.. Kalau hanya saktakat soal pengangkutan ini di-jadikan alasan, maka adalaha nyata yang chara berfikir demikian ada-lah terlalu sempit — atau pun mungkin kesempitan chara berfikir itu disaluti dengan maksud2 yang lain. Kerana ada-lah satu perkara yang sukar untok di-terima oleh akal yang waras bila di-tinjau kedudukan tenaga pengangkutan itu yang mana dari kedudukan itu ada-lah serba boleh di-pechahkan menurut keperluan2-nya. Tidakkalah berpatutan yang tenaga2 itu kesemua-nya bertumpu kapada pengangkutan gula dan lain2 barang semata2 sedangkan beras yang lebeh di-perlukan tertinggal bagitu saja.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyatakannya bahawa jika hal pengangkutan itu di-jadikan alasan terhadap lumpoh-nya pembekalan beras kapada orang ramai di-Bandar Seri Begawan maka penelitian2 akan segera di-jalankan dan mesti di-chari sebab2 kenapa beras menjadi masalaah pada hal pesanan2 dari luar negeri telah pun datang sileh berganti dan telah memenohi gudang2 Kerajaan di-Jalan Gadong.

Beliau menegaskan, sepatutnya soal beras di-negeri ini tidak harus menjadi satu issue yang menjadikan raayat bimbang berpanjangan dan sepatutnya perkara pembekalan beras kapada orang ramai itu di-yakini telah dapat di-atasi berikutan dengan usaha2 Kerajaan sa-lama ini.

"Kerajaan telah menjalan-kan ikhtiar2 dengan tidak putus2-nya apabila mengetahui kesukaran2 untok menempah beras dari luar. Tetapi dari usaha2 Kerajaan itu, kesukaran2 itu telah dapat di-atasi dengan ada-nya kesanggupan dari sumber2 luar negeri untok membekalkan beras kapada Brunei", jelas beliau.

Beliau saterus-nya berkata: "Sa-sudah kita memperolehi beras dari luar negeri dan bekalan itu telah pun sampai ka-negeri ini sileh berganti, saya kira tidak akan timbul soal2 pembahagian-nya dalam negeri — atau tegas-nya pembahagian kapada orang

ramai. Saya penoh perchaya masalaah2 dalam negeri tidak akan berbangkit dan saya kira orang ramai tidak lagi bersusah2 untok mendapatkan beras di-kedai2".

Undang2 telah pun di-adakan untok mengawal pembahagian beras itu supaya pemakalan-nya dapat menjangkau kapada kesempurnaan yang di-hajatkan sa-lain daripada mengawal supaya penyeludup2 tidak berpeluang membawa lari beras dari negeri ini.

"Tetapi saya chukop merasa kesal bila mengetahui dalam minggu ini bahawa orang

Benarkah kerana kurang-nya pengangkutan atau ada niat yang lain menyebabkan pengedaran beras hampir lumpoh?

ramai susah untok mendapatkan sa-gantang beras di-kedai2. Saya tidak faham kenapa perkara ini boleh berlaku. Saya terfikir, mungkin-kah ada kalangan2 pekedai yang menyimpan niat yang tidak baik atau mungkin-kah peniaga2 di-negeri ini tidak dapat memberikan kerjasama mereka untok kepentingan negara dan raayat".

"Jika sungguh demikian, kata Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, maka tidak shak lagi Kerajaan terpaksa mengadakan satu chara yang lain supaya pembekalan beras itu benar2 menyenangkan orang ramai saperti mana yang di-hajatkan".

Di-minta memberikan banyangan tentang chara2 yang akan di-laksanakan itu, beliau menegaskan:

"Jika perlu, salah satu diantara-nya ia-lah mengadakan pusat2 pengedaran terus menerus kapada orang ramai atau dalam peringkat awal ini pengedaran beras itu tidak lagi melalui pekedai2 asing, tetapi melalui pekedai2 tempatan sama ada kedai2 perseragaman mahu pun kedai2 yang di-punyai oleh badan2 bumiputera termasuk persatuan2 beliau dan kebajikan. Tetapi mesti-lah di-tinjau juga dari segi keamanan dan kejujuran mereka supaya jangan harapkan pagar, pagar makan padi".

"Ada-lah menjadi chita2 Kerajaan, bahkan telah di-jadikan satu dasar utama untok mengujudkan satu keadaan yang benar2 harmoni dalam apa jua bidang. Apa yang nampak kapada saya untok mengggang hasrat ini dan saterus-nya berjaya ia-lah ia-



Pekerja2 dari Sharikat Pemunggahan Melayu kelihatan sedang memung-gah beras yang telah tiba dari Hong Kong baru2 ini.

nya hanya benar2 ujud dari tenaga kita sendiri dan kere-laan, kejujuran, keamanan kita pada melaksanakan tugas2 kita. Kita harus memandag lebeh jauh dan dapat meramalan kemungkinan2 yang akan berlaku jika kita — yang menjadi raayat dan mewarisi negeri ini — tidak melaksanakan usaha2 yang lebeh gigih untok menjadikan diri ita itu benar2 boleh mengadakan keperluan2 sendiri. Ini tidak mesti hanya terhad kapada permakanan dan pak-kaian, bahkan juga dalam bidang2 yang lebeh luas dari itu."

Sekarang, kata beliau, baru masalaah beras kita telah dilanda oleh keadaan kelam-kabut. Ini harus kita terima sabagai satu pengajaran — apakah kita harus berdiam diri atau bagaimana?. Tetapi, beliau memberi amaran, kalangan2 yang menyebabkan beras menjadi satu masalaah, insya-Allah dari ketidakjujuran mereka itu neschaya akan menerima akibat2-nya.

Hasil dari tinjauan beliau terhadap perusahaan2 raayat bertanam padi di-Penanjong, Keriam dan Luagan Dudok dalam minggu lepas, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyatakan rasa shukor-nya dan berharap usaha2 yang sa-demikian itu akan segera di-lakukan pula oleh penduduk2 di-lain2 tempat di-negeri ini dan ia-nya akan di-lakukan sa-chara berpanjangan-panjangan sa-hingga kita boleh mengadakan keperluan2 sendiri.

Di-Penanjong beliau menda-pat tahu dari 80 ekar ladang padi yang di-usahakan oleh ahli2 Persatuan Pemuda Penanjong itu boleh menghasil-

kan 400 gantang padi pada tiap2 satu ekar dan hitong panjang pada tiap2 satu ekar itu boleh menghasilkan sa-banyak 200 gantang beras dan menurut jumlah kasar keselu-rohan-nya boleh menghasilkan 16,000 gantang beras dalam sa-kali musim bertanam.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan yakin bahawa keperluan2 beras di-negeri ini tidak lagi payah di-impot dari luar jika 80% dari penduduk Brunei boleh meng-usahakan saperti mana yang di-buat oleh Pemuda Penanjong itu.

Beliau menjelaskan, jika ra-ayat sanggup berbuat demikian, maka Kerajaan tidak akan ragu2 untok mengadakan kemudahan2 yang di-perlu-kan.

Lawatan Pmk. S.U.K. ka-rumah sakit

(Dari muka 1)

beritahu tentang perkhidmatan meshen2 rawatan buah pinggang yang di-bekalkan di-situ, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu berkata, tidak banyak negara2 yang memileki meshen2 tersebut dan ini menunjokkan yang Kerajaan kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah sedayanya upaya mengusahakan kegiatan terus menerus untok mengawal kesihatan raayat.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah juga melawat pesakit2 yang terdiri dari berbilang kaum di-Rumah Sakit itu, dan beramah tamah dengan mereka, sambil menanyakan kedudukan rawatan dan perkhidmatan yang di-berikan kapada pesakit2 itu.

Yang Berhormat itu juga telah sempat menyaksikan dua orang pesakit yang sedang menganyam bakul dan beliau memuji pesakit2 itu yang telah menggunakan masa mereka kapada lapangan2 yang mendatangkan faedah.

Turut dalam lawatan itu ia-lah akitik Jabatan Kerja Raya, Awg Ibrahim bin Haji Mohamed dan Pegawai Pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.

Empat orang pegawai perubatan mengiringi jemaah2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai dari Jabatan Perubatan akan mengiringi jemaah2 haji Brunei yang akan menunaikan fardhu haji pada tahun ini.

Mereka ia-lah Dr. Awang Haji Johar bin Haji Noordin, Dayang Halimah Abdul Latif, Awang Omar bin Burut dan Awang Haji Wahid bin Awg. Besar.

Tugas2 mereka ia-lah untuk memberikan perkhidmatan perubatan kepada jemaah2 haji Brunei yang pergi ka-Mekah dengan menaiki kapal terbang dan laut.

Mereka akan bertolak bersama2 dengan jemaah haji Brunei dalam penerbangan pertama yang di-jadualkan berlepas ka-Jeddah pada 3hb. Disember.

Laporan kegiatan belia2 untuk Majalah Belia di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Kebajikan Masyarakat akan menerbitkan "Majalah Belia" keluaran ke-6 untuk tahun 1974.

Majalah itu akan mengandungi semua laporan dan kegiatan Persatuan2 Belia dan Kebajikan di-seluruh negeri yang berlaku di-sepanjang tahun ini.

Sa-orang juruchakap di-Pejabat Kebajikan meminta kepada semua Setia Usaha Agong Persatuan2 Belia dan Kebajikan supaya menghantar laporan2 mereka, gambar2 yang menunjukkan sebarang kegiatan yang di-buat oleh ahli2 persatuan di-sepanjang tahun ini.

Semua laporan2 itu hendaklah di-kirim ka-Pejabat Kebajikan tidak lewat dari 16hb. Januari tahun depan.



PASOKAN ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles telah mengadakan pasar ria dan jualan aneka barang di-Gelanggang Sukan Setia baru2 ini.

Pasar ria dan jualan aneka barang itu ia-lah untuk mengutip derma bagi tabong kebajikan Gurkha dan tabong pembinaan stadium dan telah di-adakan selama empat hari.

Gambar atas menunjukkan sabahagian dari berjenis pakaian yang telah di-jual dalam tema-sha tersebut.

Kejohanan karate anjoran B.S.A.J.K.A. di-Pusat Belia pada 1hb Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Judo/Karate Amateur Negeri Brunei akan menganjorkan kejohanan karate yang akan di-lansongkan di-Pusat Belia, Bandar Seri

Begawan pada 1hb. Disember mulai jam 7.00 malam.

Kejohanan itu terbuka kepada semua chawangan kelab2 karate dan di-bahagikan kepada dua bahagian: — ia itu perseorangan dan berpasukan.

Tiap2 sa-buah kelab boleh menyertai lebih dari satu pasokan yang terdiri dari lima orang peserta dan sa-orang simpanan.

Bayaran masuk bagi satu pasokan ia-lah \$10.00 dan \$3.00 bagi peserta perseorangan.

Borang2 penyertaan dan keterangan2 lanjut boleh di-dapati dari Setia Usaha Kehormat Persatuan Judo/Karate, Awang Haji Kassim Mudzafar, di-Pejabat Pos Besar Bandar Seri Begawan atau dari jawatankuasa penganjur alam kapada Awang Mustafah Haji Abdul Rahman di-Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan.

Gerakan menyembor ubat DDT di-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Rombongan penyembor dari Projek Penghapusan Malaria akan menjalankan kerja2 menyembor ubat DDT di-Daerah Temburong dalam bulan ini.

Pada hari ini, rombongan tersebut akan berada di-Kampung2 Sibut dan Sumbiling.

Mereka kemudian-nya akan pergi ka-Batang Duri dan Amo pada 15hb. Nobember, Bokok pada 20hb. Nobember, Belais dan Buda2 pada 21hb. Nobember dan Meniup dan Bekarut pada 22hb. Nobember.

Kolera di-Bau

PENGARAH Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei telah di-beritahu oleh pehak berkuasa kesihatan Malaysia bahawa Daerah Bau di-Kuching, Sarawak telah di-istiharkan sa-bagai kawasan yang di-jangkiti taun sejak 23hb. Oktober. 1973.

Orang ramai di-Brunei dinasehatkan supaya mengambil langkah2 yang perlu terhadap taun dengan mendapatkan suntikan menchegegah penyakit tersebut.

Lain2 kampung yang akan juga di-lawati ia-lah Rataie pada 24hb. Nobember dan 26hb. Nobember.

Ada-lah di-anggarkan sebanyak 138 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor 280 rumah, pondok2 dan lain binaan di-ketiga belas buah kampung tersebut yang mempunyai jumlah penduduk sa-ramai 1,814 orang.

Sekolah Melayu Layong akan di-perbesar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang membuat tawaran untuk pembinaan sa-buah blok bilek darjah, tempat kediaman dan lain2 yang berkaitan dengan-nya di-Kampung Layong, Tutong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Bandar Se-

ri Begawan berkata pembinaan itu termasuk sa-buah blok bangunan sekolah yang akan di-bina berhampiran dengan bangunan sekolah yang ada sekarang.

Apabila siap nanti, sekolah baru itu akan dapat menampung bilangan murid2 yang sa-makin bertambah di-Layong dan kawasan sekitar-nya.

Peraduan panchutan ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bomba Brunei akan mengadakan peraduan panchutan ayer di-lapangan terbang lama di-Berakas, pada hari Sabtu 1hb. Disember, mulai jam 4.30 petang.

Peserta dari pasokan2 Bom-

ba Bandar Seri Begawan, pasokan bomba Muara, bomba lapangan terbang Brunei, bomba Tutong, pasokan bomba Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad serta pasokan bomba pembantu Sharikat itu akan menyambil bahagian dalam peraduan itu.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**

BRUNEI AKAN MENYEDIAKAN PEPEREKSAAAN SIJIL RENDAH PELAJARAN-NYA SENDIRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford menegaskan bahawa dalam tahun 1974, peperiksaan seperti yang ada sekarang tidak akan bergantung kepada Malaysia dan Brunei sendiri akan menyediakan serta memeriksa peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran-nya sendiri.

Beruchap di-Mashuarat Pertama Sukatan Pelajaran Sekolah2 Menengah-Rendah yang berlangsung di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini pada minggu lalu, Dato Bumford yakin ahli2 jawatankuasa tersebut sedar bahawa Brunei sedang merancang Dasar Pelajaran-nya sendiri.

Dato Bumford berkata tujuan dasar tersebut ia-lah bagi membolehkan Brunei mempunyai satu masyarakat yang moden, tetapi masih mempertahankan identiti-nya, ugama, keperchayaan, kebudayaan dan lebeh2 lagi ta'at setia kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan negara.

Beliau berkata pelajaran memainkan peranan yang penting bagi melatoh anak negeri ini supaya menjadi raayat yang berguna dalam apa jua bidang pekerjaan sama ada dengan Kerajaan atau sektor private bagi melaksanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang sedang di-ranchang.

Dato Bumford berkata sa-bagai ahli2 Jawatankuasa Sukatan Pelajaran, mereka mempunyai tugas2 yang penting untuk di-laksanakan bagi mengeluarkan aliran pelajaran yang akan membantu negara mencapai tujuan2 tersebut dan Majlis Pelajaran yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kini dalam proses membentok satu ranchangan pelajaran.

Pemangku Pengarah Pelajaran itu berkata, dalam bulan ini, Syndicate Cambridge akan tiba di-Brunei untuk membantu Majlis Pelajaran bagi melatoh ahli2 peperiksaan-nya dan ramai lagi pegawai akan di-hantar ka-Singapura untuk menjalani latehan di-sana.

Beliau berkata Majlis Pelajaran berharap akan dapat menubuhkan Syndicate Peperiksaan-nya sendiri dengan sah-chepat mungkin tetapi sahingga ia-nya di-bentok Syndicate Cambridge akan terus memeriksa peperiksaan peringkat 'A' dan 'O' di-Brunei.

Tetapi dengan bantuan Cambridge dan Majlis Pelajaran, tegas beliau, ada-lah di-harapkan untuk menubuhkan peperiksaan peringkat 'A' dan 'O' sa-chara sendiri sa-baik2 saja pegawai2 terlateh di-perolehi dan ada-lah di-harapkan chita2 tersebut akan terchapai dalam masa lima tahun lagi.

Ranchangan baru itu, kata beliau, memerlukan sukatan pelajaran baru bersesuaian dengan negara, tetapi ia-nya juga akan sa-laras dengan tradisi Islam dan kepentingan Bahasa Melayu.

Tanpa kejujoran, laporan yang berharga tidak berkesan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Majlis Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohamed Jamil Al-Sufri ketika beruchap di-Mashuarat Pertama Jawatankuasa Sukatan Pelajaran bagi Sekolah2 Menengah-Rendah pada minggu lalu, telah menyeru ahli2 Jawatankuasa itu supaya mereka menurut maksud Laporan Surohanjaya Pelajaran dan Dasar Pelajaran 1972 yang telah di-sahkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia

Penyusunan sukatan pelajaran itu, tegas Yang Berhormat itu hendak-lah di-dasarkan untuk menjadi raayat Brunei Darus Salam ini menjadi:

*Pekerja yang sempurna untuk menyelenggarakan segala pekerjaan2 yang sesuai dengan mereka dengan menggunakan pengetahuan yang ada pada mereka sendiri.

*Ibu bapa yang sempurna supaya dapat mereka melatoh anak2 mereka menjadi raayat yang sempurna.

*Untuk menjadi raayat yang bertanggung-jawab terhadap bangsa, negara dan tanah ayer-nya serta

mempunyai semangat ta'at setia kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Berhormat itu juga mengingatkan kepada semua ahli jawatankuasa yang telah di-lantek yang memang mempunyai kelayakan untuk menjalankan tugas mereka itu supaya mereka berhati2 menjalankan tugas-nya kerana walau berapa baik pun sa-suatu laporan pelajaran itu atau pun walau beberapa pandai orang yang di-tugaskan menyusun-nya, jika tidak ada di-sertakan dengan kejujoran dan keikhlasan untuk menyusun-nya maka laporan yang berharga itu tidak akan mendatangkan kesan yang baik.

Dengan sebab itu-lah, Yang Berhormat meminta supaya mereka akan mengambil perhatian di atas peringatan itu agar maksud penyusunan sukatan pelajaran ini akan mendapatkan faedah apada Negeri Brunei Darus Salam ini dan pelajaran yang di-susun itu akan dapat menimbulkan raayat yang bertanggung-jawab kepada negara bagi menjaga keselamatan, ketenteraman dan kemakmoran negara.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima derma dari Persatuan Pemborong2 Brunei yang di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua-nya Awang Mak Kum Wah.

Derma untuk p'binaan stadium

(Dari muka 1)

tuan itu Awang Mak Kum Wah dan telah di-saksikan oleh Awang Yee Shau Kai, selaku Yang Di-Pertua Satu dan Awang Peter Lee selaku Setia Usaha Persatuan tersebut.

Tatkala menyampaikan derma tersebut Awang Mak Kum Wah telah menyatakan bahawa derma itu ada-lah sa-bagai menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan menyumbangkan ta'at setia mereka kepada di-samping menjalankan usaha2 mereka di-negeri ini.

Pada masa menerima derma tersebut Yang Berhormat itu telah memberikan penghargaan dan ucapan berbanyak2 terima kasih kerana ketatatan mereka menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terhadap pembinaan stadium yang di-ranchangkan itu.

Beliau berharap sumbangan itu akan menjadi suatu chontoh dan tauladan yang baik untuk diikuti oleh raayat dan penduduk negeri ini.

Wang yang berjumlah sa-banyak \$40,900.00 itu di-kutip dari 48 buah pemborong2 yang menderma di-antara \$5,000.00 dengan \$50.00 tiap2 sa-buah pemborong.

Pemborong2 yang terbesar sekali menderma sa-banyak \$5,000.00 ia-lah Hing Cheong Construction Co., Mak Kum Wah Structural dan Sin Yen & Co; \$3,000.00 di-dermakan oleh Hup Yick Construction Co. dan Lik Sun Construction Co. sementara Sweet Construction & Transport Ltd menderma \$2,000.00.

Di-Kuala Belait, Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Stadium Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah menerima \$1,120.00 dari penderma yang berasingan untuk tabong tersebut.

Kelab Orchid Negeri Brunei menderma sa-banyak \$620.00 manakala Persatuan Kejuruteraan China, Seria menderma sa-banyak \$500.00.

B.E.S.O. sedia meminjamkan pakar2 dalam aneka jurusan

(Dari muka 1)

an Setia Usaha Kerajaan, Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Awang Selamat bin Munap telah menerangkan kedudukan Brunei dalam hasrat untuk menjayakan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Awang Selamat juga memberi tahu mereka tentang pembukaan kawasan2 perindasterian di-Muara sa-bagai langkah untuk mempelabagalkan sumber2 ekonomi negara.

Pengarah Perkhidmatan2 Ekse-

kutif British sebarang Laut itu pula telah menerangkan rupa bentok pertubohan mereka dan memberi tahu tentang bantuan2 yang dapat di-berikan oleh pertubohan itu.

Awang Westnedge antara lain menerangkan bahawa B.E.S.O. bersedia meminjamkan pakar2 dalam aneka jurusan bagi menjayakan projek2 yang di-kendalikan bersama oleh Swasta dan Kerajaan.

Antara pegawai2 yang mengemukakan soalan2 dan membe-

rikan pendapat serta penerangan ia-lah Setia Usaha Jawatankuasa Perancang Kemajuan Negara, Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman dan Pegawai Perangkakan Kanan, Dayang Jusnani binte Haji Lawie.

Sa-lain dari pertemuan2 itu, pegawai2 B.E.S.O. itu juga telah berkesempatan mengunjongi Jabatan2 Perikanan, Pertanian, Buruh dan Pelajaran.

Mereka akan mengadakan kunjungan ka-Jabatan Kehutanan hari ini.